

Askar Israel bunuh wartawan Palestin

BERITA HARIAN 8/4/18 M.S 32

Gaza City: Seorang wartawan Palestin yang ditembak tentera Israel semasa membuat liputan mengenai bantahan di sempadan Gaza dilaporkan meninggal dunia, semalam.

Menurut Kementerian Kesihatan, mangsa berkenaan, Yasser Murtaja juga seorang jurugambar dari agensi Ain Media yang berpangkalan di Gaza. Dia menjadi penduduk Palestin ke-29 yang terbunuh dalam bantahan yang berlangsung seminggu lalu.

Hari turut menjadi suram dengan

upacara pengebumian mangsa lain yang terkorban manakala di beberapa kawasan, warga Palestin menjerit ke arah sempadan tanda marah.

Rakaman gambar menunjukkan Murtaja yang tercedera sedang terbaring atas pengusung dengan memakai jaket bertulis 'PRESS' dalam huruf besar berwarna hitam.

Peluru menembusi badan

Pegawai Kesihatan berkata peluru hidup menembusi bahagian badannya dan dia meninggal dunia

di hospital akibat kecederaan parah. Sementara itu, seorang jurucakap tentera Israel enggan memberikan komen berhubung insiden itu.

Bantahan yang bermula pada 30 Mac lalu di sepanjang sempadan Israel-Gaza dan berlangsung setiap hari yang digelar 'Perarakan Terbesar Kembali'.

Israel menempatkan penembak tepat bagi menghentikan cubaan penduduk Palestin membolosi sempadan atau sabotaj pagar keselamatan.

AFP



Rakan-rakan mengiringi upacara pengebumian wartawan Palestin, Yasser Murtaja di Gaza City, semalam.